



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	9/3/2012

N4 EDITORIAL

16 - 18 RABIULAKHIR 1433 / 9 - 11 MAC 2012 *Harakah*

» KOMEN EDITOR

Berdebat untuk pencerahan jika PM ikhlas

Harakah - 9/3/2012

DENGAN menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Kebanyakan pengundi ingin melihat perdebatan di antara Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak dengan Ketua Pembangkang, Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi kenyataan.

Kesanggupan Najib berdebat, turut dipetik oleh *Bernama* dan TV3 daripada Blog 1Malaysia milik Najib. Namun, ia kemudiannya terpadam malah, dalam laporan Buletin Utama TV3, pada malam 4 Mac lalu, penyiar terpaksa menarik balik perkataan "debat" setengah jam kemudian dan menukarkannya kepada "perbincangan".

Menurut tinjauan Merdeka Centre yang dibuat dari 10 hingga 23 Februari lalu, sebanyak 54 peratus responden menyokong agar kedua-dua pemimpin itu berdebat.

Sokongan tertinggi datang daripada pengundi muda apabila kira-kira dua pertiga daripada mereka bersetuju agar Najib dan Anwar berdebat bagi mempamerkan idea dan dasar yang akan diperkenalkan kepada negara.

Sebanyak 76 peratus pengundi muda Melayu berumur 21 hingga 30 tahun menyokong debat itu. Bagi pengundi berumur 31 hingga 40 tahun pula, 56 peratus menyokongnya.

Sokongan terendah datang daripada responden berusia 60 tahun ke atas, iaitu se-

banyak 39 peratus.

Pecahan mengikut kaum pula mendapati satu pertiga daripada pengundi Cina menyokong idea itu (66 peratus) berbanding pengundi Melayu (54 peratus) dan India 34 peratus.

Antara topik-topik yang menjadi pilihan pengundi untuk dibahaskan adalah isu-isu ekonomi (17 peratus); isu semasa negara (sembilan peratus); kebajikan rakyat dan pembangunan negara (masing-masing tujuh peratus). Ini diikuti oleh isu memerangi rasuah pada kadar lima peratus.

Selain itu, responden turut mencadangkan isu semasa negara seperti skandal projek ternakan lembu Perbadanan Feedlot Kebangsaan (NFC), hutang negara yang semakin bertambah dan isu-isu pentadbiran lain juga dibahaskan.

Namun, kenyataan Najib Razak bahawa beliau sedia berdebat mengenai politik dengan sesiapa saja yang berfikiran munasabah dan yang serius mengenai masa depan negara sebagai alasan untuk mengelakkan perdebatan.

Ini sudah ditandai dengan memadamkan entry dalam Blog 1Malaysia tentang kesediaannya berdebat.

Najib Razak sebenarnya ketakutan untuk berdebat dengan pemimpin Pakatan Rakyat yang mahu berdebat dengan beliau

serta gentar terhadap kebenaran yang bakal dibongkar di atas pentas perdebatan.

Oleh kerana itulah, beliau terus ber-alasan dan mencari helah bagi mengelakkan pertembungan yang boleh menjatuhkan kredibiliti beliau.

Najib sebenarnya lebih suka memilih "menembak dari jauh" atau melalui satu pihak sahaja iaitu menggunakan sepenuhnya media utama negara daripada berdepan dengan hujah balas pihak lawan.

Ia mengulangi episod pemimpin-pemimpin Umno terdahulu yang gemar menyerang pembangkang melalui media tanpa diberi peluang pemimpin lawan mengemukakan hujah bagi menjawab tuduhan mereka.

Sedangkan rakyat melihat "regu" debat terbaik buat Najib adalah Anwar sendiri. Selain Najib merupakan Perdana Menteri Malaysia, beliau juga adalah Presiden Umno.

Manakala Anwar Ibrahim pula adalah Ketua Pembangkang dan Ketua Umum KeADILan. Sudah tentu kedua-duanya layak untuk digandingkan bersama di atas satu pentas.

Kesanggupan Najib Razak untuk berdebat dalam kerangka wacana demokrasi sebagaimana dinyatakan di dalam blognya itu, menerima reaksi positif daripada KeADILan.

Parti itu berharap, kesanggupan Najib

ini benar-benar jujur kerana tawaran Anwar Ibrahim yang dibuat pada Januari 2011 untuk berdebat tentang kedudukan ekonomi, fakta-fakta yang terkandung di dalam Buku *Jingga* dan penyelewengan negara masih lagi terbuka.

Malangnya, KeADILan belum menerima sebarang jawapan daripada Perdana Menteri tentang tawaran tersebut.

Sekali lagi parti itu menggesa agar Najib menerima tawaran debat ini sesuai dengan semangat demokrasi yang diluuhkannya, melainkanlah Najib tidak merasakan isu ekonomi, tawaran dasar *Buku Jingga*, takelola kerajaan yang baik, kenaikan kos hidup dan penyelewengan negara merupakan isu-isu penting untuk dibahaskan.

Najib turut meluahkan kebimbangannya tentang keupayaan lawannya di dalam perdebatan untuk bercakap berdasarkan fakta dan mengawal emosi.

Sebenarnya kebimbangan ini tidak patut wujud sekiranya beliau yakin dengan keupayaan rakyat Malaysia untuk membuat perhitungan yang tepat.

Keputusan di tangan Najib sama ada beliau jujur mahu membolehkan rakyat Malaysia mendengar secara langsung dasar-dasar Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat didebatkan dalam kerangka demokrasi dan membuat keputusan yang sewajarnya.